

**TEKS UCAPAN**  
**Y.BHG DATUK HJ.MD YAHAYA**  
**BASIMIN**  
**Setiausaha Persekutuan Sarawak**

**MAJLIS PERHIMPUNAN**  
**BULANAN**  
**AGENSI-AGENSI PERSEKUTUAN**  
**& BADAN BERKANUN**  
**BULAN OKTOBER 2011**

**24 OKTOBER 2011**  
**AUDITORIUM BANGUNAN**  
**SULTAN ISKANDAR**  
**KUCHING, SARAWAK**

**8.30 PAGI**

Bismillahir Rahmanir Rahim Assalamualaikum wrb.wb, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia '*Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan*'

Y.Bhg Tuan Hj.Mohd Nasir Yahya, Pengurus Kanan Jabatan Pentadbiran Pusaka Amanah Raya Berhad mewakili pihak pengurusan Amanah Raya

Yang Dihormati Dato' Mortadza Bin Nazarene, Pesuruhjaya Polis Negeri Sarawak

Y.Bhg Tuan Haji Rafie bin Omar, Pengarah/ Ketua Pegawai Eksekutif, AmanahRaya Legacy Services Sdn Bhd.

Y.bhg Datuk-Datuk, Datin-Datin,

Ketua-ketua Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan Negeri Sarawak

Pegawai-Pegawai Kanan, Para Media,

Tuan-tuan dan Puan-puan serta hadirin yang dihormati sekalian,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan berkat inayah dan izinNYA jua dapat kita berkumpul bersama-sama di dalam Majlis Perhimpunan Bulanan Agensi dan Badan Berkanun Persekutuan Sarawak kali ini. Di kesempatan ini, ingin saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak pengurusan tertinggi Kumpulan AmanahRaya di peringkat Ibu Pejabat dan cawangan Kuching yang telah memberi kerjasama dalam menjayakan program pada pagi ini.

Sebagaimana anda sedia maklum, AmanahRaya Berhad merupakan satu entiti jabatan kerajaan yang sudah lama ditubuhkan dan kini telah menjangkau 90 tahun merupakan di antara agensi kerajaan yang tertua di negara ini. Ia telah diperbadankan pada tahun 1995 di mana 99.9% dimiliki oleh Menteri Kewangan Diperbadankan.

Kita juga merasa bertuah kerana AmanahRaya Berhad telah dapat melaksanakan tugas dengan berkesan dan merangkumi semua lapisan rakyat di atas perkhidmatan dan produk yang disediakan. Saya percaya dengan perkongsian ilmu dan maklumat yang telah disampaikan sebentar tadi, ia dapat memberi input pengisian yang berguna dan bermanfaat untuk semua yang hadir pada hari ini dan juga kepada rakan-rakan kita di luar sana yang mungkin memerlukannya terutamanya dalam aspek perancangan harta dan perwarisan.

YBhg Datuk-Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Walaupun sudah hampir 4 atau 5 bulan kita tidak berkumpul dalam perhimpunan seumpama ini namun disepanjang tempoh tersebut, saya mengucapkan syabas kepada semua, terutamanya kepada ketua-ketua jabatan yang telah menunjukkan komitmen yang tinggi semasa menjalankan tugas selari dengan hasrat untuk meningkatkan lagi pembangunan dan taraf kehidupan yang menyeluruh khasnya bagi rakyat negeri Sarawak.

Kita mendengar dan memahami keluhan dan juga terdapat rasa tidak puas hati di kalangan rakan-rakan penjawat awam berkenaan isu-isu yang sering diperkatakan seperti tidak cukup peruntukan bajet , kekurangan kakitangan serta kekurangan kemudahan-kemudahan lain yang kerajaan disediakan. Namun, saya berpandangan, kita tiada pilihan melainkan mengambil haluan strategik dengan menjadikan setiap daripada diri kita lebih responsif, bersepadu, telus, mesra rakyat, berkesan dan sedia untuk berubah---ini semua dapat dilakukan walaupun keadaan kita berada dalam situasi yang sering kekurangan. Saya menyeru supaya ketua-ketua jabatan dan agensi termasuk saya sendiri untuk mengambil tindakan sewajarnya bagi memperbaiki lagi

apa-apa juga kekurangan dan permasalahan di jabatan dan agensi masing-masing.

Pada masa ini tugas dan fungsi penjawat awam serta persekitaran di mana kita bertugas sudah berubah berbanding dengan keadaannya 20 atau 30 tahun yang lalu. Begitu juga dengan output atau outcome yang telah dihasilkan atau dicapai. Ini kerana pada masa sekarang, perkhidmatan yang cemerlang diukur berdasarkan kepada pencapaian seperti dapat memberi perkhidmatan yang pantas dan memenuhi kehendak atau permintaan pelanggan yang berbagai. Oleh itu sebagai penjawat awam kita harus bersedia untuk menghadapi dan seterusnya mengatasi perubahan ini dengan melengkapkan diri kita dengan pelbagai ilmu dan kebolehan. Ini bukan sahaja memerlukan ketua-ketua jabatan yang kreatif tetapi juga melibatkan kakitangan yang berada di setiap peringkat pengurusan dan operasi di mana boleh menghasilkan satu **package** yang terbaik di kalangan penjawat awam di setiap jabatan dan agensi.

Sehubungan dengan itu, saya berharap supaya setiap penjawat awam harus diberi peluang untuk menunjukkan kebolehan masing-masing supaya mereka dapat menghasilkan idea-idea atau cadangan yang canggih dan praktikal bagi membolehkan setiap jabatan/agensi mencapai misi dan visi masing-masing. Kita perlu mengubah sikap dengan membudayakan pemikiran yang pro aktif dan inovatif bagi menghasilkan perubahan yang lebih cemerlang dan menyeluruh dan bukan setakat memberi penekanan kepada menambah baik idea-idea, proses kerja atau peraturan-peraturan yang lama. Kita perlu memastikan prestasi yang cemerlang terus berkekalan dan akan memperelok pencapaian rakan-rakan yang tertinggal di belakang disamping memperbaiki sistem yang menemui kegagalan. Oleh itu, kita perlu

membentuk satu perkhidmatan awam yang dinamik, mempunyai ketua-ketua jabatan dan anggota yang kreatif serta berpandangan jauh supaya perkhidmatan yang diberikan terus berkesan dan relevan menjelang tahun-tahun yang mendatang. Sama-samalah kita fikir serta usahakan cara dan bagaimana....

YBhg Datuk-Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Belanjawan 2012 dengan peruntukan sebanyak RM 232.8 billion iaitu RM181.6 billion perbelanjaan mengurus dan RM51.2 billion perbelanjaan pembangunan yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri pada 7 Oktober lalu telah disediakan secara seimbang, berhemat dan bertanggungjawab dalam memenuhi keperluan, kesejahteraan dan kemakmuran dari penjawat awam hingga ke rakyat jelata berdasarkan kemampuan kewangan Kerajaan. Isu yang sering dibangkitkan oleh rakyat yakni mengenai kenaikan kos sara hidup telah pun diberi tumpuan dan ditangani sewajarnya oleh Kerajaan.

Bajet 2012 yang bertemakan , **DASAR TRANSFORMASI NASIONAL : BAJET MEMBELA RAKYAT, MENSEJAHTERAKAN NEGARA** secara konsepnya adalah kesinambungan Dasar Transformasi Nasional yang merupakan payung kepada semua inisiatif dan program bagi agenda transformasi yang telah dan akan diperkenalkan Kerajaan seperti Program Transformasi Kerajaan dengan 7 NKRA, Program Transformasi Ekonomi dengan 8 **Strategic Reform Initiative**. Selaras dengan itu, Bajet 2012 telah menggariskan lima fokus utama iaitu **i) Meligatkan Pelaburan, ii) Mengungguli Modal Insan, Mencerna Kreativiti Dan Mencetus Inovasi, iii) Program Transformasi Luar Bandar, iv)**

## Memperkecap Perkhidmatan Awam , dan v) Meredakan Inflasi Dan Mengimarrah Kehidupan Rakyat.

Hadirin yang dihormati,

Saya pasti bahawa hadirin sekalian sudah pun membaca dengan lebih terperinci insentif yang telah diperkenalkan dalam cadangan Belanjawan 2012. Satu perkara yang saya ingin sentuh di sini ialah cadangan memperkenalkan Sistem Saraan Baru Perkhidmatan Awam (**SBPA**) dengan matlamat untuk mentransformasikan Perkhidmatan Awam Malaysia supaya menjadi organisasi yang lebih dinamik, responsif dan berorientasikan prestasi. SBPA menawarkan satu pakej yang lebih adil, mengalakkan persaingan yang sihat dan mengekalkan tenaga kerja yang produktif dan tiada *deadwood*. Ianya juga dijangka dapat meningkatkan produktiviti dan keefisyenan mutu perkhidmatan awam secara holistik.

YBhg Datuk-Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Sesungguhnya kerjasama yang erat di antara pihak pentadbiran dan penjawat awam adalah diperlukan supaya semua dasar dalam Cadangan Belanjawan 2012 dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Dalam hal ini adalah penting untuk kita memastikan supaya satu sistem penyampaian dan pelaksanaan dapat berjalan secara lebih cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat Belanjawan 2012.

Sehubungan ini juga, untuk memastikan ekonomi negara terus berkembang adalah menjadi tanggungjawab semua kementerian dan agensi membelanjakan peruntukan yang disediakan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan yang dirancang bagi menghasilkan impak yang diharapkan. Maknanya, sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi kita sebagai penjawat awam hendaklah sentiasa berusaha bersungguh-sungguh disamping melengkapkan diri dengan pengetahuan, mempunyai pemikiran yang dinamik dan analitis.

Berdasarkan laporan **Bank Dunia pada 20 Oktober 2011**, *Doing Business 2012 : Doing Business in a More Transparent World*, Malaysia telah berjaya menduduki **ranking ke-18**, iaitu naik **5** anak tangga daripada **183** negara. Faktor utama yang mendorong kepada peningkatan ranking ini sesungguhnya telah disumbangkan oleh kakitangan awam melalui penambahbaikan pemudahcara dalam urusan perdagangan dan menerusi peningkatan penggunaan teknologi maklumat yang semakin meluas di sektor awam. Sebenarnya masih banyak yang kita boleh dilakukan dan indikator ini akan dijadikan sebagai motivator/peransang untuk kita mencapai penarafan yang lebih baik setanding dengan Singapura, Hong Kong dan China di masa hadapan.

Akhir kata, kita haruslah bersyukur dan menunjukkan rasa terima kasih kepada Kerajaan khususnya YAB Perdana Menteri di atas pelbagai insentif dan kemudahan yang disediakan dalam Belanjawan 2012. Dalam kesempatan seperti pagi ini dan juga di majlis ilmu yang lain, gunakanlah ia sebagai satu platform untuk kita berinteraksi dan berkenalan dengan rakan-rakan di agensi-agensi lain. Hubungan yang baik ini sesungguhnya akan membantu memudahkan lagi urusan di antara kita kerana pendekatan kita hari ini adalah mengeratkan dan

mempertingkatkan kerjasama di antara agensi dan jabatan. Hasilnya nanti pelaksanaan projek dan *service delivery* perkhidmatan awam akan bertambah mudah dan cepat sementara penjimatan sumber-sumber dapat dilakukan.

Oleh itu, kita perlu melipatgandakan usaha untuk mencapai agenda transformasi ke arah sebuah negara maju dengan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Dikesempatan ini juga saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Deepavali kepada penjawat awam beragama Hindu dan Selamat Menyambut Hari Raya Qurban/ Hari Raya Aidil Adha yang berlangsung kira-kira dua minggu lagi kepada semua penjawat awam yang beragama Islam. Kepada rakan-rakan yang mengerjakan fardhu Haji, kita doakan mereka selamat sejahtera pergi dan kembali dengan mendapat Haji yang mabrur.

Terima kasih kepada Amanah Raya Berhad atas perkongsian ilmu pada hari ini dan terima kasih juga semua hadirin di atas kehadiran dan kesudian untuk mendengar serta sokongan yang diberikan.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah warahmatullahiwabarakatuh dan Salam 1Malaysia.